

TINGKATAN SATU

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
1.	Masyarakat Arab Sebelum & Selepas Islam					//
2.	Riwayat Hidup Rasulullah SAW					//
3.	Kejayaan Rasulullah Meletakkan Asas Akidah Yang Kukuh			/		
4.	Strategi Perjuangan Rasulullah di Mekah & di Madinah					
5.	Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah				/	
	Keunggulan Perjuangan Tokoh-tokoh Islam					
6.	Unit 1 : Abu Bakar Al-Siddiq	/				//
7.	Unit 2 : Saidatina Khadijah					/
8.	Unit 3 : Sumayyah Ummu Ammar b. Yasir					//
9.	Unit 4 : Bilal b. Rabah					

TAJUK 1 : MASYARAKAT ARAB SEBELUM & SELEPAS ISLAM

1. Maksud Jahiliyyah:

- Tidak tahu @ sesat daripada agama samawi (agama langit yang diturunkan oleh Allah SWT)

2. Ciri-ciri masyarakat badawi & Hadari:

Masyarakat Badawi	Masyarakat Hadari
• tinggal di luar bandar	• tinggal tetap di bandar
• hidup berpindah- randah	• hidup bersatu padu
• bercucuk tanam & menternak	• menjalankan perniagaan

3. Kepercayaan (agama) masyarakat Arab Jahiliyyah:

- Agama Hanif
- Agama Majusi
- Agama Yahudi
- Agama Kristian
- Agama menyembah alam
- Agama menyembah berhala

4. Keadaan politik masyarakat arab Badawi & Hadari:

Politik Masyarakat Badawi	Politik Masyarakat Hadari
• berdasarkan qabilah	• berdasarkan pentadbiran pusat
• setiap qabilah dipimpin oleh sheikh	• terdiri drpd berbagai jabatan
• patuh kepada sheikh	• rakyat patuh kpd pentadbiran pusat

5. Keadaan ekonomi masyarakat arab Badawi & Hadari:

Ekonomi Masyarakat Badawi	Ekonomi Masyarakat Hadari
• bercucuk tanam	• berniaga
• menternak spt kambing, biri-biri	• pertukangan tangan
• merompak harta qabilah lain	• menjalankan perniagaan antarabangsa

6. Keadaan akhlak masyarakat Jahiliyyah:

- fitnah & hasad dengki
- menindas golongan lemah
- membunuh bayi perempuan
- suka berzina, minum arak & berjudi
- merompak, membunuh & suka berperang

7. Bukti agama Islam adalah agama penyelamat:


- Menukar akhlak buruk kepada akhlak mulia
- Menghapuskan penindasan & penipuan dengan memperkenalkan peraturan yang adil
- Islam berjaya membasmi kepercayaan karut dan menanam konsep mentauhidkan Allah SWT

TAJUK 2 : RIWAYAT HIDUP RASULULLAH SAW

1. Keturunan Nabi Muhamad SAW:

- Bangsawan Arab Quraisy

2. Kedudukan keturunan Rasulullah SAW:



3. Riwayat hidup Rasulullah SAW bermula kelahiran hingga bersama ibu susuannya:

a) Semasa kelahiran Baginda:

- dilahirkan di Mekah
- pada hari Isnin, 12 Rabiul Awal / 20 April 570 Masehi
- tahun kelahiran – Tahun Gajah
- bapanya meninggal dunia semasa baginda dalam kandungan
- datuknya (Abdul Mutalib) membawanya ke Kaabah pada hari ke-7 kelahiran & diberi nama “Muhammad” (orang yang terpuji)

b) Semasa bersama ibu susuannya:

- pada mulanya disusui oleh ibunya (Aminah) & Thuwaibatul Aslamiah
- diserahkan kepada Halimatus Saadiah untuk disusui
- Baginda membantu keluarga angkantnya mengembala kambing semasa berusia 4 tahun

4. Kehidupan Rasulullah SAW bersama ibunya, datuknya dan Abu Talib:

a) semasa bersama ibunya (Aminah):

- tinggal bersama ibunya ketika 5 tahun
- menziarahi makam bapanya di Madinah bersama ibunya & Ummu Aimah
- ibunya meninggal dunia – tinggal pula bersama datuknya

b) semasa bersama datuknya:

- sentiasa dibawa ke mana-mana
- ketika usia 8 tahun, datuknya meninggal dunia
- dipelihara oleh bapa saudaranya Abu Talib

c) semasa bersama Abu Talib:

- mengembala kambing
- berniaga ke Syam bersama bapa saudaranya (12 tahun)
- di Syam, pendita Nasrani (Buhaira) mendapati tanda kenabian & kerasulan pada diri Baginda
- Buhaira meminta Abu Talib membawa pulang Baginda serta disuruh menjaga dengan baik

5. Riwayat hidup Rasulullah SAW semasa remaja:

- berkongsi perniagaan bersama pemuda bernama as-Saaib bin Abi as-Saaib
- umur 25 tahun memperniagakan barang dagangan Khadijah bt Khuwailid ke Syam
- berkahwin dengan Khadijah kerana Khadijah tertarik dengan keperibadian Baginda
- ketika berkahwin, baginda berusia 25 tahun dan Khadijah berusia 40 tahun

6. Peristiwa Nabi Muhammad SAW diutus menjadi rasul secara ringkas:

- mengasingkan diri untuk beribadat di Gua Hira' Jabal Nur ketika umur 40 tahun
- didatangi malaikat Jibril pada waktu malam menyuruh Baginda membaca tetapi Baginda menjawab beliau tidak tahu membaca
- Jibril memeluk Baginda beberapa kali kemudian Baginda diajar membaca "Iqra'" dari ayat 1-5
- peristiwa ini diberitahu kepada isterinya Khadijah lalu Baginda dibawa berjumpa dengan Waraqah bin Naufal
- Waraqah memberitahu yang Baginda akan dilantik menjadi Rasul

7. Faktor mendorong masyarakat Quraisy menggelarkan Baginda "Al-Amin":

- sabar
- berwawasan
- bersifat amanah
- bercita-cita besar
- bertanggungjawab

8. Sifat-sifat keperibadian Rasulullah SAW:

- sabar
- pemaaf
- amanah
- pemurah
- menepati janji
- bertanggungjawab
- suka memberi pertolongan

TAJUK 3 : SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ

1. Riwayat hidup Abu Bakar as-Siddiq:

- Abdullah bin Abi Qahafah
- lahir di Mekah pada 572M (2 tahun selepas kelahiran Rasulullah SAW)
- keturunan bangsawan Quraisy
- seorang ahli perniagaan yang berjaya sebelum Islam
- lelaki pertama memeluk Islam
- menjadi khalifah pertama pada 632M / 11H
- memerintah selama 2 tahun 3 bulan

2. Digelar dengan as-Siddiq:

- sentiasa yakin & membenarkan apa-apa sahaja yang diperkatakan & dilakukan oleh Rasulullah SAW

3. Sifat-sifat peribadi Saidina Abu Bakar as-Siddiq:

- tabah
- setia kawan
- bercakap benar
- bersopan santun
- pembela kebenaran
- bersifat lemah lembut
- pengasih & penyayang
- ikhlas dalam perjuangan

4. Bukti Saidina Abu Bakar as-Siddiq sahabat Rasulullah SAW yang paling setia dan akrab:

- menemani Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah
- membenarkan semua kata-kata Rasulullah SAW
- sanggup menahan sakit kerana patukan ular demi menyelamatkan Rasulullah SAW semasa bersembunyi di dalam Gua Hira'

5. Sumbangan dan pengorbanan Saidina Abu Bakar as-Siddiq:

- sentiasa bersama Rasulullah SAW dalam semua peperangan
- membebaskan Bilal bin Rabah yang diseksa oleh tuannya dengan kejam
- sanggup melakukan apa sahaja demi untuk menyelamatkan Rasulullah SAW walaupun nyawanya terancam
- menderma seluruh hartanya membiayai peperangan Tabuk
- menemani Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah

6. Faktor yang mendorong para sahabat memilih Saidina Abu Bakar sebagai khalifah:

- dilantik oleh Nabi sebagai imam
- sahabat pertama memeluk Islam
- antara yang tertua dalam kalangan sahabat
- sahabat paling rapat dengan Rasulullah SAW
- menemani Rasulullah SAW semasa berhijrah ke Madinah

7. Jasa-jasa Saidina Abu Bakar as-Siddiq semasa menjadi khalifah:

- mengekalkan keamanan
- memerangi golongan nabi palsu
- mengembangkan Islam ke Farsi & Rom
- memerangi dan menghapuskan golongan murtad
- berusaha mengumpulkan al-Quran atas cadangan Saidina Umar

8. Perkara yang boleh dicontohi oleh pelajar daripada perjalanan hidup Saidina Abu Bakar as-Siddiq:

- berani menyatakan kebenaran
- mencontohi iman & akhlak Abu Bakar
- bercita-cita membantu orang yang susah
- sanggup berkurban tenaga, harta & fikiran untuk agama

TAJUK 4 : SAIDATINA KHADIJAH

1. Riwayat Hidup Saidatina Khadijah:

- Nama : Khadijah Bt Khualid Bin Asad Bin Abd. Uza Bin Qusai
- Keluarga mulia dan berharta
- Tokoh perniagaan yang kaya raya
- Berkahwin dengan Rasulullah ketika 40 tahun
- Isteri pertama Rasulullah SAW
- Wanita pertama menganut Islam
- Wafat Tahun ke 10 selepas Rasulullah dilantik menjadi Rasul di Madinah T 620 M

2. Sifat Peribadi Saidatina Khadijah:

- dermawan
- penyayang
- berwawasan
- berakhhlak mulia
- berfikiran kreatif
- sabar, tabah, cekal
- taat perintah Allah SWT

3. Jasa & Sumbangan Saidatina Khadijah:

- taat setia kepada Baginda
- banyak mengorbankan harta untuk perjuangan Islam
- mententeramkan perasaan Baginda semasa dalam keadaan kesusahan
- sentiasa memberi perangsang kepada Rasulullah SAW untuk berdakwah

4. Perkara yang boleh dicontoh daripada Saidatina Khadijah:

- memiliki sifat keibuan
- menjadi isteri solehah
- penyayang dan penyabar

TAJUK 5 : SUMAYYAH UMU AMAR BT YASIR

1. Riwayat Hidup Sumayyah:

- nama : Sumaiyyah Bt Khabbat
- hamba kepada Abu Huzaifah Bin Al-Mughirah
- berkahwin dengan Yasir bin Amir seorang pengembara
- dikurniakan anak bernama Ammar
- memeluk Islam secara rahsia

2. Penyeksaan terhadap Sumayyah:

- diseret di padang pasir
- dipukul sehingga berdarah
- dicucuk dengan besi panas
- dijemur diatas panas matahari
- ditikam dengan tombak hingga mati

3. Sumbangan & pengorbanan Sumayyah:

- berani menyatakan yang hak
- mempertaruhkan nyawa untuk mempertahankan akidah
- memberi imej yang baik kepada umat islam mempertahankan agama
- meneguh keyakinan dan keazaman umat islam yang lain untuk meneruskan perjuangan

4. Pengajaran yang boleh dicontohi:

- Umat Islam hendaklah tabah menghadapi ujian
- Umat Islam hendaklah sanggup berjuang dan mati syahid
- Umat Islam hendaklah mencontohi pengorbanan sahabat Nabi
- Umat Islam mmengutamakan kepentingan umum dari kepentingan diri

TINGKATAN DUA

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
1.	Saidina Umar Pentadbir Yang Ulung					//
2.	Saidina Othman Korporat Yang Dermawan					
3.	Saidina Ali Pemuda Yang Berani			/		
4.	Saidina Hamzah Pahlawan Yang Terbilang					
5.	Abu Hurairah Perawi Hadis					//
6.	Ab Rahman Ahli Perniagaan Berwawasan					
	Kepimpinan Rasulullah SAW di Madinah					
7.	Unit 1 : Pembinaan Masjid					//
8.	Unit 2 : Persaudaraan Antara Muhajirin & Ansar			/		

TAJUK 1 : SAIDINA UMAR AL-KHATTAB PENTADBIR YANG ULUNG

1. Biodata Saidina Umar bin al-Khattab:

- nama penuhnya Umar b. Al-Khattab b. Nufail b. Abdul Uzza
- berketruruhan Bani Adi, Quraisy
- dilahirkan di Mekah
- lahir 13 tahun selepas kelahiran Rasulullah SAW / 584 masihi
- menjadi khalifah kedua pada Selasa, 22 Jamadil Akhir tahun 13H / 23 Ogos 634M
- memerintah selama 10 tahun
- meninggal dunia pada Zulhijjah tahun 23H ketika berusia 63 tahun
- meninggal kerana dibunuh oleh seorang hamba Majusi berbangsa Farsi bernama Fairuz (Abu Lu' lu')
- digelar "al-Faruq" (Pemisah antara hak dengan batil)

2. Bukti Saidina Umar b. al-Khattab seorang pahlawan yang berani:

- mencabar pihak Quraisy supaya menghalangnya daripada berhijrah ke Madinah
- mengisyiharkan keislamanannya di khalayak ramai
- menunaikan solat secara terang di Masjidil Haram sebelum hijrah
- memberi cadangan supaya Islam disebar secara terus-terang

3. Sumbangan Saidina Umar b. al-Khattab dari segi pembangunan negara:

- mendirikan rumah persinggahan bagi musfair
- mengemaskinikan institusi Baitul-Mal
- meneroka kawasan baru untuk dijadikan tanah pertanian serta membina saliran air
- membina sekolah untuk mengajar dan mendidik anak-anak orang yang baru memeluk Islam

4. Faktor yang menjadikan Saidina Umar al-Khattab mempunyai semangat jihad yang tinggi untuk mempertahankan Islam:

- keimanan dan ketakwaan yang tinggi
- rasa bertanggungjawab yang mendalam untuk membangunkan umat dan negara

TAJUK 2 : ABU HURAIRAH RA

1. Riwayat hidup :

- Nama sebelum Islam : Abdu Syam
- Nama : Abd Rahman Bin Sakhr Al-Dausi Al-Yamani

- Lahir di Dus negeri Yaman 19 tahun sebelum Hijrah
- Memeluk Islam pada 7 Hijrah ketika Rasul berada di Khaiba
- Menjadi anak yatim sejak kecil
- Menjadi ahli Sofah di Madinah
- Wafat 59 H ketika usia 78 Tahun.
- Gelaran Abu Hurairah (Bapa kucing) kerana sukaan kucing

2. Sifat peribadi Abu Hurairah:

- mengasihi binatang
- menghormati ibu bapa
- cintakan ilmu pengetahuan
- taat kepada Allah dan Rasul
- seorang yang tabah sabar dan tegas

3. Faktor Abu Hurairah terkenal sebagai perawi hadis:

- mempunyai ingatan yang kuat
- selalu menghadiri majlis Rasulullah SAW
- usia yang lanjut dapat bertemu ramai sahabat
- kemahuan yang kuat untuk mendapatkan ilmu
- banyak menghimpun dan meriwayatkan hadis
- keupayaan menyampaikan hadis dengan berkesan

4. Kejayaan Abu Hurairah yang perlu dicontohi:

- menghadiri majlis ilmu
- kuat mengerjakan ibadat
- menghormati guru dan ibu
- mencintai ilmu pengetahuan
- menghafal al-Quran dan hadis
- sentiasa mendampingi ulamak
- mengutamakan akhirat dari dunia

5. Sumbangan Abu Hurairah:

- meriwayatkan 5374 hadis
- gigih mengembangkan Islam melalui hadis
- seramai 800 orang murid datang mempelajari hadis daripada beliau

TAJUK 3 : PEMBINAAN MASJID

1. Asas Rasulullah SAW dalam membangunkan Madinah:

- membina masjid
- mempersaudarkan Muhajirin dengan Ansar

2. Masjid pertama dibina oleh Rasulullah SAW di Madinah:

- Masjid Quba'

3. Peranan masjid dalam Islam:

- pusat seni
- pusat ibadat
- pusat politik
- pusat ekonomi
- pusat kemasyarakatan
- pusat pendidikan dan ilmu pengetahuan

TINGKATAN TIGA

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
	Keunggulan Perjuangan Tokoh-tokoh					
1.	Unit 1 : Saidatina Fatimah az-Zahra'	/				
2.	Unit 2 : Saidatina Aisyah Ilmuwan Wanita Yang Terulung				/	
3.	Unit 3 : Saidina Khalid al-Walid Perwira Perkasa		/			/
	Kepimpinan Rasulullah SAW di Madinah					
4.	Unit 1 : Piagam Madinah	/				
5.	Unit 2 : Perjanjian Hudaibiyah					
6.	Pembukaan Kota Mekah (Fathu Mekah)					//

TAJUK 1 : SAIDINA KHALID AL-WALID PERWIRA PERKASA

1. Riwayat hidup Saidina Khalid al-Walid:

- Nama sebenar Khalid b. Abdi Syamsi al-Walid b. Mughirah
- Berketurunan Bani Mahzun
- Lahir di Mekah tahun 592M
- Memeluk Islam pada Safar 8H
- Wafat pada tahun 21H
- Dimakamkan di Hims, Syria
- Digelar dengan **Saifullah al-Maslul** (pedang Allah yang terhunus)

2. Sifat-sifat mulia Khalid al-Walid:

- tegas
- berani
- berwawasan
- bertanggungjawab
- seorang yang ikhlas

3. Faktor yang membentuk sikap kepahlawanan Khalid al-Walid:

- berani
- berketurunan pahlawan
- mempunyai iman yang sangat teguh
- sentiasa menanamkan keazaman untuk mati syahid
- memiliki disiplin yang tinggi dalam setiap kerja yang dilakukan
- mendapat latihan daripada bapanya tentang ilmu peperangan sejak remaja

4. Sumbangan Khalid al-Walid:

- sebagai panglima perang tentera Islam menentang Rom dalam perang Yarmuk
- sebagai panglima perang tentera Islam ketika Pembukaan Kota Mekah
- memimpin tentera Islam memerangi orang murtad dalam perang Yamamah di Yaman
- berjaya mengalahkan tentera musuh berjumlah 200,000 walaupun tentera Islam hanya 3,000 orang dengan strategi yang berkesan

TAJUK 2 : PEMBUAKAAN KOTA MEKAH (FATHU MEKAH)

1. Faktor-faktor yang mempercepatkan proses Pembukaan Kota Mekah:

- musyrikin Mekah melanggar perjanjian Hudaibiah
- musyrikin Mekah telah memberi bantuan tentera dan senjata kepada Bani Bakar yang berperang dengan Bani Khuza'ah
- Bani Khuza'ah meminta bantuan daripada Rasulullah SAW

2. Strategi Rasulullah SAW bagi mengelakkan pertumpahan darah semasa Pembukaan Kota Mekah:

- mengajukan 3 tuntutan terhadap musyrikin Mekah
- mendirikan khemah
- memasang unggul api
- memberi tawaran keselamatan kepada penduduk Mekah

3. Tuntutan Rasulullah SAW kepada Musyrikin Quraisy sebelum memasuki Mekah:

- membayar wang sebagai tebusan / pampasan kepada waris Bani Khuza'ah yang terbunuh
- mengutuk perbuatan Bani Bakar membunuh orang Bani Khuza'ah
- berperang dengan tentera Islam

4. Tindakan Rasulullah SAW sebaik sahaja baginda berjaya memasuki Kota Mekah:

- memberi pengampunan kepada bekas musuhnya
- menunaikan solat sunat 8 rakaat di Makam Ibrahim
- mengarahkan tentera memusnahkan berhala di sekeliling Kaabah
- menyuruh Bilal b. Rabah melaungkan azan di atas bumbung Kaabah
- memberi ucapan tentang keesaan Allah SWT dan persaudaraan sejagat

5. Faktor kejayaan Rasulullah SAW membebaskan Kota Mekah daripada cengkaman musyrikin tanpa pertumpahan darah:

- strategi yang berkesan
- semangat jihad yang tinggi
- pemimpin musyrikin memeluk Islam
- keunggulan kepimpinan Rasulullah SAW
- kelahiran generasi muda dalam suasana Islam
- perubahan sikap penduduk Arab menerima Islam
- kehilangan pemimpin musyrikin akibat perperangan

6. Kesan Pembukaan Kota Mekah:

- ramai kafir Quraisy memeluk Islam
- dakwah Islam dapat dijalankan secara terang
- umat Islam dapat menunaikan ibadat tanpa gangguan
- Tanah Haram Mekah menjadi kawasan larangan bagi orang bukan Islam
- masyarakat Mekah saling berkerjasama dan hidup dalam keadaan aman harmoni